

*Pengajaran Kemahiran Bertutur dan Membaca
dengan Menggunakan Prôgrâm 10'M Aksarâ*

Mainura Mawi

mainura_mawi@moe.edu.sg

Rita Zulkarnain Taha

rita_zulkarnain_taha@moe.edu.sg

Sekolah Perempuan Haig

Abstrak

Murid menghadapi masalah mengecam fakta penting apabila menjawab soalan kefahaman bertahap tinggi. Kertas kajian ini memberikan tumpuan kepada penggunaan Program 10'M Aksara dalam pembelajaran Bahasa Melayu bagi meningkatkan kemahiran kefahaman murid. Pendekatan Pedagogi 10'M Aksara melibatkan 50% pengajaran guru dan 50% lagi pembelajaran berpusatkan murid melalui penggunaan Portal 10'M Aksara. Strategi penilaian formatif secara individu dan rakan sebaya ini menekankan tentang Teori Perkembangan Sosial Vygotsky. Strategi 5W1H diajar secara eksplisit dan pengajaran kemahiran interaksi lisan juga disertakan. Pengajaran serta pembelajaran mengambil masa 1 jam 30 minit dan murid dikehendaki melengkapkan tugas mereka mengikut masa yang ditetapkan. Dapatan kajian menunjukkan murid telah dapat memahami dan mengecam fakta penting dalam teks dan guru lebih mahir dalam pedagogi menggunakan *ICT* dan pengajaran kemahiran kefahaman.

Kata Kunci: kefahaman membaca, kajian pengajaran, pengajaran
ICT, pembelajaran kolaboratif, pembelajaran sendiri



PENGENALAN

Murid menghadapi masalah mengecam fakta penting apabila menjawab soalan kefahaman terutama soalan beraras tinggi. Justeru itu, guru telah memulakan kajian tindakan yang memberikan tumpuan kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT berdasarkan program pembelajaran yang dikenali sebagai portal 10'M Aksara. Portal ini telah digunakan sebagai pelantar untuk memperbaiki kemahiran kefahaman murid dalam menjawab soalan kefahaman. Selain itu, portal ini dapat membantu meningkatkan motivasi murid dalam pembelajaran Bahasa Melayu.

Lazimnya, murid akan menunjukkan minat dalam pelajaran berasaskan ICT. Maka itu, untuk membantu mereka meningkatkan kemahiran kefahaman mereka, pedagogi 10'M Aksara telah digunakan. Portal 10'M adalah pengajaran berasaskan ICT dan Program Pembelajaran yang telah diterajui oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (ETD) Kementerian Pendidikan (MOE), Singapura. Sekolah Perempuan Haig merupakan antara sekolah perintis yang memulakan penggunaan portal tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu pada tahun 2010.

Pedagogi 10'M melibatkan 50% pengajaran guru dan 50% lagi pembelajaran berpusatkan pelajar dalam struktur 2-1-1. Struktur ini merangkumi 50% pengajaran guru, 25% latihan amali pelajar dan 25% refleksi hasil kerja murid.

Strategi penilaian formatif telah digunakan dalam pengajaran dan didapati sangat berkesan dalam membangunkan kecekapan bahasa murid. Dylan William, (2011) telah menggariskan lima strategi utama penilaian formatif, iaitu:

1. menjelaskan, berkongsi dan memahami objektif pembelajaran dan kriteria bagi kejayaan;
2. merancang, mengarah serta menjalankan perbincangan, aktiviti dan tugas yang berkesan yang dapat membuktikan pembelajaran;
3. menyediakan maklum balas yang akan meningkatkan pembelajaran ke tahap seterusnya;
4. peranan aktif murid sebagai sumber pembelajaran bagi rakan sebaya; dan
5. murid memainkan peranan yang aktif dan bertanggungjawab ke atas



pembelajaran mereka sendiri.

Melalui pendekatan ini, penilaian formatif bukan sahaja berfungsi sebagai alat malah proses pembelajaran. Murid yang terlibat dalam pembelajaran aktif yang merangkumi penilaian sendiri dan rakan sebaya, interaksi rakan sebaya dan maklum balas dengan latihan refleksi sendiri melalui penggunaan alat penilaian dalam talian. Ini termasuk penggunaan rubrik dan perbincangan yang merupakan ciri-ciri dalam 10'M Aksara.

PERNYATAAN MASALAH

Semasa pelajaran kefahaman secara bertulis dijalankan, ramai murid yang memaparkan sikap berikut :

1. Murid tidak mudah menjawab soalan kefahaman terutama soalan yang bertahap tinggi.
2. Murid tidak begitu fokus dalam pelajaran, rasa bosan dan kurang berminat semasa pembelajaran berlangsung.
3. Murid mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan tugas yang diberikan.
4. Penyelesaian pembetulan dibuat sambil lewa dan kurang memberi impak kepada murid.

Justeru, bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, kajian tindakan menggunakan Program 10'M Aksara digunakan.

TUJUAN KAJIAN

Objektif pengajaran ingin dicapai dalam kajian tindakan agar murid dapat berinteraksi dengan yakin semasa bekerja secara berpasangan:

1. membaca dan mengecam idea utama dalam petikan;
2. menjawab soalan-soalan pemahaman yang berkaitan dengan petikan yang diberikan dengan menggunakan portal 10'M Aksara; dan
3. menjalankan penilaian sendiri dan penilaian rakan sebaya dengan menggunakan rubrik dalam talian.



KAJIAN LEPAS

Kajian ini berlandaskan 3 teori pembelajaran yang berikut:

1. Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget

Pengajaran yang dijalankan adalah berdasarkan Teori Perkembangan Kognitif Jean Piaget (1969). Piaget lebih prihatin dengan pemikiran kanak-kanak daripada menjawab soalan dengan betul (Feldman, 2003). Piaget percaya bahawa cara terbaik untuk memahami bagaimana kanak-kanak berfikir adalah dengan pemerhatian rapi semasa interaksi di bilik darjah dan semasa proses penyelesaian masalah. Menurut Teori Piaget ini, terdapat empat peringkat perkembangan kognitif bagi kanak-kanak dan setiap peringkat adalah penting dalam mempengaruhi pembangunan konsep sama ada konkrit mahupun abstrak. Peringkat-peringkat perkembangan kognitif tersebut adalah:

a. Sensorimotor

Kanak-kanak di peringkat sensorimotor ini, sejak dari lahir hingga ke usia kira-kira 2 tahun, meneroka persekitaran mereka melalui deria, tindak balas motor dan memanipulasi objek.

b. Praoperasi

Kanak-kanak di peringkat praoperasi, berusia kira-kira 2 hingga 7 tahun, pemikiran adalah lebih bersifat representasi yang agak terhad.

c. Operasi Konkrit

Kanak-kanak pada peringkat operasi konkrit, berusia sekitar 7 tahun, mula menunjukkan perkembangan pemikiran fungsional serta keupayaan untuk menarik hubungan logik antara objek atau peristiwa konkrit.

d. Operasi Formal

Kanak-kanak di peringkat operasi formal berada di peringkat yang paling



maju dalam pembangunan kognitif. Piaget mencirikan peringkat ini sebagai waktu kanak-kanak dapat melibatkan diri dalam pemikiran deduktif, menjana hipotesis dan melibatkan diri dalam pemikiran abstrak.

2. Teori Pembangunan Sosial

Teori Pembangunan Sosial, Lev Vygotsky (1896 - 1934) adalah teori yang memberi penekanan kepada zon perkembangan proksimal yang bermaksud apabila kemahiran terlalu sukar bagi kanak-kanak untuk menguasai sendiri. Ini boleh dilakukan dengan bimbingan dan galakan daripada orang yang berpengetahuan. Vygotsky memberi tumpuan kepada bagaimana kanak-kanak memperoleh pengetahuan tentang dunia sosial. Beliau percaya ilmu pengetahuan dapat digapai melalui interaksi kanak-kanak dengan seorang pakar seperti ibu bapa dan guru-guru, dalam zon perkembangan proksimal. Zon perkembangan proksimal mengambil kira struktur pengetahuan sedia ada dan potensi kanak-kanak.

Menurut Vygotsky (1896 - 1934), kanak-kanak akan bekerjasama untuk menyelesaikan tugas, dan menerusi latihan mereka akan mampu menyelesaikan latihan dengan sendiri dan apabila penilaian dinamik dijalankan, guru dapat mengenal pasti tahap pencapaian murid secara sendiri serta keupayaan murid memberi respons dan bertindak balas kepada kerangka yang disediakan oleh guru. Guru akan memberikan gesaan, petunjuk, dan isyarat untuk kanak-kanak itu dan melihat bagaimana kanak-kanak itu akan bertindak balas kepada arahan tersebut.

3. Teori Ekologi

Satu lagi teori yang menyokong kajian tindakan ini adalah Teori Ekologi oleh Urie Bronfenbrenner (1917). Menurut Teori Ekologi, perkembangan kanak-kanak bergantung kepada pengaruh sosiobudaya antara kanak-kanak dan persekitaran mereka seperti cara kanak-kanak itu dilayan atau pandangan oleh rakan-rakan terhadap dirinya adalah penting bagi persekitaran kanak-kanak itu. Tingkah laku ibu bapa dan personaliti juga penting bagi kanak-kanak dan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap perkembangan kanak-kanak seperti menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif.



Masyarakat, keluarga dan entiti pemerintah seperti sekolah juga mempunyai hubungan dengan kanak-kanak dan dengan itu akan memberi kesan kepada pembangunan mereka. Ibu bapa tidak mempunyai kawalan sepenuhnya dalam hubungan dengan anak-anak mereka kerana terdapat banyak kuasa luar yang juga akan memberi kesan kepada pengasuhan anak-anak mereka. Justeru itu, mereka perlu bekerjasama baik di rumah, di sekolah atau dalam masyarakat untuk menyediakan yang terbaik demi perkembangan anak-anak mereka. Teori ini juga melibatkan bagaimana kanak-kanak berinteraksi dengan kepercayaan, nilai, harapan dan gaya hidup serta budaya di persekitaran mereka.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian pengajaran yang melibatkan 2 orang guru dan 2 kumpulan murid. Tumpuan kajian pada pembelajaran kefahaman yang melibatkan murid Darjah 2 yang berumur antara 7 hingga 8 tahun.

Kajian pengajaran ini telah dipraktikkan di Sekolah Perempuan Haig sejak 2010.

Kajian pengajaran ini mempunyai ciri-ciri berikut:

1. mengkaji dan meneliti pengajaran dan pembelajaran melalui perancangan dan pemerhatian secara kolaboratif;
2. membantu mempertingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran;
3. membantu dalam pembangunan profesional para guru; dan
4. membentuk sebuah komuniti belajar yang konsisten dan sistematik dalam kalangan guru.

Menurut Teori Perkembangan Kognitif Piaget, (1969), kanak-kanak dalam lingkungan umur ini tergolong dalam tahap Operasi Konkrit yang sudah mula mengatur proses pemikiran dan berupaya untuk mula berfikir secara logikal. Oleh yang demikian, keadaan ini membolehkan murid menggunakan program 10'M Aksara untuk mengasah kemahiran kefahaman mereka dengan lebih berkesan.

Melalui kajian ini, guru mengajar kemahiran kefahaman secara eksplisit



dengan memberi tumpuan kepada penggunaan strategi membaca, iaitu 'SAMMBOB' atau '5W1H' untuk menjawab soalan kefahaman. Strategi membaca ini dirasakan dapat membantu murid memahami dan mengingat butir-butir petikan yang telah mereka baca.

Selain itu, kajian ini turut menggunakan kemahiran interaktif lisan dan strategi pembelajaran koperatif seperti, *Think-Pair-Share* atau Fikir-Pasangan-Kongsi dan *Think-Pair-Write* atau Fikir-Pasangan-Tulis. Strategi pembelajaran koperatif tersebut telah disertakan untuk membantu murid memahami topik dan mengingat butir-butir maklumat dengan lebih berkesan.

Peranan guru adalah sebagai fasilitator, yang mengarah murid kepada proses pembelajaran di samping menilai prestasi murid. Pada masa yang sama, guru memantau bagaimana murid menilai diri sendiri dan rakan sebaya. Melalui pemantauan dan penilaian ini, guru berupaya menilai pembelajaran secara kualitatif dan juga kuantitatif serta dapat memberi kesimpulan tentang keberkesanan pelajaran yang telah dijalankan.

Kajian Pengajaran Kitaran 1

Sebelum bermulanya kitaran 1 kajian pelajaran, guru daripada Jabatan Bahasa Melayu telah bekerjasama menyiapkan rancangan pengajaran. Objektif pengajaran bagi topik yang dipilih akan dijalankan dalam tempoh 1 jam. Pegawai ETD telah dirujuk secara kerap untuk membantu dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran.

Dalam kitaran 1, guru Bahasa Melayu dan juga pegawai-pegawai ETD telah hadir untuk memantau pelajaran yang dijalankan. Pelajaran juga dicatat dan dirakam bagi tujuan analisis dan penambahbaikan. Murid dari kelas Bahasa Melayu (1) memulakan pelajaran dengan menonton klip video sebagai praaktiviti. Kemudian, murid berinteraksi secara berpasangan mengenai topik tersebut untuk mengetahui pengetahuan sedia ada mereka. Guru kemudian menggunakan strategi koperatif, *Think-Pair-Share*, untuk menggalakkan pembelajaran kolaboratif.

Dalam kitaran 1, murid mendengar petikan dibaca melalui portal 10'M



Aksara yang diikuti dengan guru menerangkan tentang makna perkataan yang sukar. Kemudian, murid pula akan membaca petikan dengan lantang dan guru akan mengajukan beberapa soalan untuk memastikan pemahaman murid tentang petikan tersebut. Murid kemudian diminta ke komputer masing-masing untuk menjawab soalan dalam portal 10'M Aksara.

Soalan kefahaman telah dirancang dan dipadankan untuk disesuaikan dengan kebolehan murid yang berbeza. Sebagai contoh, murid yang lebih tinggi tahap keupayaannya diarah supaya menjawab soalan dengan menaip jawapan sepenuhnya dan menggunakan ayat-ayat yang lengkap. Murid berkeupayaan sederhana juga telah diarah menaip sebahagian sahaja jawapan pada permulaan setiap ayat. Murid berkeupayaan rendah pula diberikan soalan-soalan beraneka pilihan. Mereka terpaksa memilih jawapan yang betul dan menaip abjad pilihan dengan betul.

Portal 10'M Aksara juga memberi peluang kepada murid untuk membaca atau mendengar semula petikan pada kadar kemampuan dan keselesaan mereka sendiri. Ciri ini pastinya dapat membantu murid rendah keupayaan agar lebih berkeyakinan dan berusaha untuk menyelesaikan tugas mereka dalam masa yang ditetapkan.

Setelah itu, guru memberikan jawapan kepada murid dan meminta mereka menilai jawapan mereka sendiri dan juga jawapan rakan sebaya yang telah menjadi pasangan mereka terlebih dahulu dengan menggunakan rubrik yang telah dihasilkan guru dalam portal 10'M Aksara. Selain itu, murid juga telah diminta agar memberikan maklum balas terhadap pembelajaran mereka menggunakan ruang komentar interaktif yang terdapat dalam portal 10'M juga.

Tidak semua murid berjaya menyelesaikan tugas dalam masa yang ditetapkan. Mereka diberitahu agar menyelesaikan tugas mereka di rumah kerana kekurangan masa.

Selepas kitaran 1 tamat, pelajaran telah dianalisis dan satu perbincangan menyusul. Semua guru yang memantau pelajaran termasuk pegawai ETD telah mengadakan perbincangan selepas pengajaran dan memberi komen mengenai hasil dapatan agar penambahbaikan boleh dilakukan. Mereka




telah memutuskan bahawa strategi membaca, SAMMBOB atau 5W1H akan digunakan pada kitaran seterusnya. Pelajaran yang sama juga akan dijalankan dalam tempoh satu setengah jam untuk memberikan murid lebih banyak masa untuk menyelesaikan tugas mereka di dalam kelas.

Penambahbaikan dan Pengajaran Semula


Rancangan pengajaran yang digunakan dalam kelas (1) telah dianalisis dan diberi penambahbaikan sebelum diajarkan pula oleh guru Kelas Bahasa Melayu (2). Rancangan pelajaran yang ditambah nilai kini disertakan dengan strategi membaca, 'SAMMBOB' atau '5W1H'. Murid-murid diajar menggunakan strategi dan dibimbing untuk mengenal pasti kata kunci dalam setiap soalan. Pengajaran strategi dapat membantu murid agar lebih fokus dan berstruktur semasa cuba memahami dan menjawab setiap soalan.

Semasa perbincangan terhadap proses pembelajaran kelas (1), para guru telah memutuskan bahawa slaid-slaid *PowerPoint* akan dipertingkatkan dan dimuatsertakan dengan Strategi Membaca SAMMBOB. Ini dapat membantu murid memberi tumpuan yang sepenuhnya semasa pengajaran dijalankan. Rubrik yang digunakan untuk penilaian juga telah diperhalusi agar murid dapat menjalankan penilaian sendiri dan rakan sebaya dengan lebih mudah dan berkesan.

Gambar Rajah 1: Strategi Membaca 5W1H



Gambar Rajah 2: Strategi Membaca SAMMBOB



Kajian Pengajaran Kitaran 2

Kitaran 2 merupakan bentuk Kelas Terbuka atau *Open Classroom*. Turut hadir bagi sesi pemerhatian bagi kelas terbuka bukan sahaja guru Bahasa Melayu Sekolah Perempuan Haig, malah para perunding ETD serta guru Bahasa Melayu dari beberapa sekolah lain. Pengetua, naib pengetua, serta ketua-ketua Jabatan serta guru Bahasa Melayu dari beberapa sekolah Singapura yang lain juga turut hadir.

Melalui kitaran 2, para pemerhati telah diberikan senarai nama murid yang hadir dan juga susunan tempat duduk setiap murid. Tujuannya adalah agar para pemerhati dapat mencatatkan nota-nota dan maklum balas mereka semasa memantau pengajaran dan pembelajaran dalam kelas untuk tujuan perbincangan dan refleksi.

Semasa guru sedang menerangkan tentang pelajaran, penambahan dan peningkatan dalam slaid *PowerPoint* terbukti bermanfaat kerana murid dilihat lebih fokus dan dapat memahami dan mengaplikasikan Strategi Membaca SAMMBOB dengan berkesan. Murid juga dapat mengecam dan mengenal pasti kata kunci dalam setiap soalan. Justeru, mereka dapat menghasilkan jawapan bagi soalan-soalan pemahaman dengan lebih cepat berbanding semasa kitaran 1.



Selain itu, murid dilihat lebih yakin semasa berinteraksi. Interaksi lisan dan persekitaran yang tidak mengancam telah membantu menggalakkan murid menyatakan pendapat mereka secara bebas. Tambahan, murid juga berani menyumbangkan jawapan, memberikan respons dan memberi maklum balas serta pandangan mereka semasa menilai kualiti sesuatu jawapan yang telah diberikan oleh rakan sebaya mereka.

Sebagai contoh, murid dapat membetulkan struktur ayat yang mengandungi kesilapan bahasa dan berupaya memberikan sebab-sebab mengapa jawapan yang diberikan oleh rakan-rakan mereka tidak tepat.

Hal ini menunjukkan bahawa murid tersebut telah pun mula dalam peralihan mereka ke peringkat perkembangan kognitif yang seterusnya iaitu peringkat operasi formal yang merupakan peringkat yang paling tinggi. Peringkat operasi formal ini mengkategorikan kanak-kanak sebagai berupaya melibatkan diri dalam pemikiran deduktif dan pemikiran abstrak serta mampu menghasilkan hipotesis.

Sesi Perbincangan dan Maklum Balas

Selepas pelajaran berakhir, perbincangan antara guru-guru pemerhati telah dijalankan. Maklum balas positif telah diterima daripada para pemerhati seperti objektif pelajaran telah dipenuhi dan murid benar-benar terlibat dalam pelajaran.

Masa tambahan sebanyak setengah jam yang diperuntukkan amat sesuai kerana dapat membantu murid menyelesaikan tugas mereka di dalam kelas dalam waktu yang selesa dan memberi masa interaksi yang lebih baik antara murid dengan guru.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa komen yang membina yang diberikan oleh guru dari sekolah lain. Antaranya, memperuntukkan masa bagi tiap-tiap aktiviti dan memperbaiki slaid pengajaran terutamanya bahagian arahan bertulis yang memerlukan murid membaca sendiri dengan pantas. Aspek ini dirasakan akan menjadi lebih baik jika guru menerangkan arahan



yang terpapar di dalam slaid untuk mengukuhkan pemahaman atau memberi bantuan kepada murid yang lemah.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan bagi kajian pembelajaran dan pengajaran adalah seperti berikut :

1. Murid menunjukkan minat sepanjang pelajaran dan mereka dapat melengkapkan tugas-tugas yang diberikan dengan pantas.
2. Murid dapat memberi dan menaip jawapan kepada soalan-soalan kefahaman dalam portal 10'M Aksara dengan lebih baik dan bersemangat berbanding apabila mereka terpaksa menjawab secara bertulis.
3. Keterbiasaan murid dengan ciri-ciri portal 10'M Aksara dan sifat celik IT mereka membantu tahap kepantasan mereka;
4. Murid dapat memahami dan mengenal pasti butir-butir dan maklumat penting yang terdapat dalam teks yang dibaca dan mampu mengatur jawapan mereka dalam struktur ayat;
5. Melalui analisis kuantitatif, 100% daripada murid dapat menjawab 75% hingga 100% soalan dengan tepat;
6. 100% murid rendah keupayaan berjaya menjawab sekurang-kurangnya 3 daripada 4 soalan dengan betul; dan
7. Murid dalam kumpulan tinggi dan sederhana keupayaan menilai dan memberikan kepada rakan sebaya mereka penilaian yang melebihi 80%.

KESIMPULAN

Projek ini membolehkan guru untuk mengasah kemahiran pedagogi mereka dengan melibatkan penggunaan ICT dan mendalami pengetahuan mereka mengenai pengajaran kemahiran kefahaman. Projek ini juga mengesahkan kepercayaan guru terhadap keberkesanan penggunaan ICT dalam strategi pengajaran dan pembelajaran murid.

Tumpuan kepada pelajaran dapat dikekalkan melalui:



1. Penggunaan pelbagai alat pengajaran yang menarik untuk memaksimumkan penglibatan, motivasi dan tumpuan murid;
2. Bahan-bahan dari 10'M Aksara mengizinkan penghasilan dan penyuntingan tugas yang berbeza tahap keupayaan;
3. Mengajar strategi bukan sahaja meningkatkan kejayaan, malah membantu murid supaya menjadi lebih fokus dalam menyelesaikan tugas; dan
4. Interaksi berstruktur membolehkan pembentukan pengetahuan dan nilai-nilai murni, refleksi diri dan pemikiran yang kritis.

Bagi pelajaran susulan, guru akan memulakan kajian mengenai keberkesanan penilaian rakan sebaya dalam pembelajaran strategi kefahaman dan keberkesanan maklum balas guru bagi membantu murid-murid meningkatkan kemahiran kefahaman mereka.

Guru-guru berikut turut serta dalam kajian yang dijalankan.

- Norah Nordin
- Norasiken Mohamed



RUJUKAN

- Bronfenbrenner U. (1917). *Ecological Theory*. Retrieved October 31, 2014, from <http://gozips.uakron.edu/~susan8/devparch/theorists>
- Easterbrooks M. A. (2003). *Volume 6 of Developmental Psychology*. New Jersey, United States of America: John Wiley & Sons. Retrieved October 31, 2014, from <http://books.google.com.sg/books>
- Feldman D. H. (2003). *Cognitive Development in Childhood*. Tufts University, Eliot-Pearson Department of Child Development, Medford Massachusetts. History: Published online (15 April 2003) Retrieved October, 31 2014, from <http://books.google.com.sg/books>
- Lewis C. (2000). *Lesson Study: The Core of Japanese Professional Development*. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, New Orleans. Retrieved October 31, 2014, from <http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED444972.pdf>
- Piaget J. (1969). *The Theory of Stages in Cognitive Development: An Address by Jean Piaget to the CTB/McGraw-Hill Invitational Conference on Ordinal Scales of Cognitive Development*, Monterey, California, February 9, 1969
- Suryani Atan (2013). Towards a Collaborative Learning Environment through ICT: a Case Study. *Sino-US English Teaching*, 10(1), 53-62.
- Suryani Atan (2014). *10*M Aksara: Laporan Kajian Pengajaran*. Singapore: Educational Technology Division, Ministry of Education.
- Vygotsky L. (1896 - 1934). *Social Development Theory*. Retrieved October 31, 2014, from <http://www.toolsofthemind.org/philosophy/glossary>
- William D. (2011). *Embedded Formative Assessment*. United States of America: Solution Tree Press.

